



MALAYSIA

# Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

Jil. 50  
No. 9

**4hb Mei 2006**

*TAMBAHAN No. 47  
PERUNDANGAN (A)*

**P.U. (A) 163.**

AKTA BANTUAN GUAMAN 1971

PERATURAN -PERATURAN BANTUAN GUAMAN (PENGANTARAAN) 2006

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 32(2) (ca) Akta Bantuan Guaman 1971 [ *Akta 26* ], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

## **Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Bantuan Guaman (Pengantaraan) 2006** .

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

## **Tafsiran**

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Pihak” dan “Pihak-Pihak” masing-masing ertinya penandatangan dan kedua-dua penandatangan Perjanjian Persetujuan Untuk Pengantaraan tetapi tidaklah termasuk pengantara.

**Permulaan pengantaraan**

3. (1) Mana-mana orang yang menjadi pihak kepada sesuatu pertikaian yang meminta pengantaraan hendaklah memohon pengantaraan dalam borang yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.

(2) Tiada pengantaraan boleh dimulakan melainkan jika kedua-dua pihak kepada sesuatu pertikaian telah menandatangani Perjanjian Persetujuan Untuk Pengantaraan yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.

**Kehadiran Pihak-Pihak**

4. (1) Setelah menandatangani Perjanjian Persetujuan Untuk Pengantaraan, Pihak-Pihak hendaklah diberitahu mengenai tarikh sidang pengantaraan oleh pengantara dan hendaklah hadir sendiri mana-mana sidang pengantaraan yang telah ditetapkan.

(2) Pihak-Pihak hendaklah diberitahu secara bertulis oleh Pengantara mengenai tiap-tiap perubahan tarikh sidang pengantaraan yang telah ditetapkan.

(3) Jika mana-mana Pihak tidak hadir tanpa—

(a) keizinan pengantara; atau

(b) apa-apa alasan yang munasabah yang boleh diterima oleh pengantara,

Pihak itu disifatkan telah menarik diri daripada pengantaraan itu.

**Sidang pengantaraan**

5. (1) Tiada seorang pun boleh menghadiri sesuatu sidang pengantaraan selain Pihak-Pihak dan pengantara yang ditugaskan untuk pengantaraan itu.

(2) Segala bentuk komunikasi yang dibuat semasa sidang pengantaraan adalah sulit.

(3) Sesuatu sidang pengantaraan hendaklah diselesaikan dalam masa tiga puluh hari dari tarikh Perjanjian Persetujuan Untuk Pengantaraan ditandatangani.

(4) Semasa sidang pengantaraan, pengantara tidak boleh membuat apa-apa keputusan atau dapatan mengenai sesuatu pertikaian.

(5) Tiada penyelesaian atau persetujuan yang dicapai boleh mengikat Pihak-Pihak melainkan jika penyelesaian atau persetujuan itu dituliskan dan ditandatangani oleh Pihak-Pihak.

**Penamatan pengantaraan**

6. Sesuatu pengantaraan hendaklah ditamatkan jika—

(a) mana-mana Pihak menarik diri daripada pengantaraan itu melalui borang yang ditetapkan dalam Jadual Ketiga;

- (b) mana-mana Pihak disifatkan telah menarik diri daripada pengantaraan di bawah subperaturan 4(3);
- (c) suatu penyelesaian atau persetujuan dicapai, dituliskan dan ditandatangani oleh Pihak-Pihak dalam masa tiga puluh hari dari tarikh Perjanjian Persetujuan Untuk Pengantaraan ditandatangani;
- (d) suatu penyelesaian atau persetujuan tidak dapat dicapai dalam masa tiga puluh hari dari tarikh Perjanjian Persetujuan Untuk Pengantaraan ditandatangani;
- (e) pengantara memutuskan bahawa dia patut menarik diri daripada pengantaraan itu kerana apa-apa sebab yang dinyatakan dalam Kod Etika Pengantara yang ditetapkan dalam Jadual Keempat; atau
- (f) pengantara diarahkan oleh Ketua Pengarah Bantuan Guaman untuk menarik diri daripada sidang pengantaraan itu.

### **Tanggungjawab pengantara**

#### 7. Pengantara hendaklah—

- (a) terikat dengan terma-terma dalam Kod Etika Pengantara yang ditetapkan dalam Jadual Keempat;
- (b) memudahkan perundingan antara Pihak-Pihak dan membimbing tujuan sidang pengantaraan bagi maksud mencari penyelesaian yang boleh disetujui terima bersama; dan
- (c) membantu Pihak-Pihak dalam merangka apa-apa penyelesaian atau persetujuan bertulis.

#### JADUAL PERTAMA

#### **BORANG**

[Subperaturan 3(1)]

#### AKTA BANTUAN GUAMAN 1971

P E R A T U R A N - P E R A T U R A N B A N T U A N G U A M A N ( P E N G A N T A R A A N ) 2006

#### PERMINTAAN UNTUK PENGANTARAAN

#### A. Butir-butir orang yang dibantu:

Nama:

Nombor Kad Pengenalan/Pasport:

Alamat:

Poskod:

Nombor telefon yang boleh dihubungi:

Pekerjaan:

B. Butir-butir pihak penentang:

Nama:

Nombor Kad Pengenalan/Pasport:

Alamat:

Poskod:

Kewarganegaraan:

Nombor telefon yang boleh dihubungi:

Pekerjaan:

C. Pertikaian:

Kami dengan ini memohon pengantaraan.

Tandatangan orang yang dibantu: Tandatangan pihak penentang:

Nama: Nama:

Nombor Kad Pengenalan/Pasport: Nombor Kad Pengenalan/Pasport:

Tarikh: Tarikh:

Disahkan oleh:

Tandatangan pengantara:

Nama:

Nombor Kad Pengenalan/Pasport:

Tarikh:

**JADUAL KEDUA**

[Subperaturan 3(2)]

**PERJANJIAN PERSETUJUAN UNTUK PENGANTARAAN**

PERJANJIAN ini dibuat ANTARA ..... Kad Pengenalan/Pasport No. ....  
(orang yang dibantu) DENGAN ..... Kad Pengenalan/Pasport No. ....  
(pihak penentang) (kemudian daripada ini disebut "Pihak-Pihak").

Pihak-Pihak dengan suci hati berhasrat untuk menyelesaikan pertikaian mereka tanpa litigasi.

**PIHAK-PIHAK DENGAN INI BERSETUJU SEPERTI YANG BERIKUT:**

1. Pertikaian ini hendaklah dikemukakan kepada Biro Bantuan Guaman untuk pengantaraan.

2. Apa-apa penyelesaian atau persetujuan yang dicapai semasa pengantaraan hendaklah dituliskan dan ditandatangani oleh Pihak-Pihak.
3. Pihak-Pihak hendaklah terikat dengan terma-terma penyelesaian atau persetujuan yang dicapai sebagaimana yang disebut dalam perenggan 2.
4. Pihak-Pihak bersetuju untuk mematuhi Peraturan-Peraturan Bantuan Guaman (Pengantaraan) 2006.

Ditandatangani oleh: Ditandatangani oleh:

.....  
[Orang yang dibantu] [Pihak penentang]

Nama: Nama:

Nombor Kad Pengenalan/Pasport: Nombor Kad Pengenalan/Pasport:

Disaksikan oleh:

.....  
Pengantara

Nama:

Nombor Kad Pengenalan/Pasport:

Bertarikh:

JADUAL KETIGA

**BORANG**

[Perenggan 6 (a)]

AKTA BANTUAN GUAMAN 1971

PERATURAN-PERATURAN BANTUAN GUAMAN (PENGANTARAAN) 2006

PENARIKAN DIRI DARIPADA PENGANTARAAN

A. Butir-butir orang yang dibantu:

Nama:

Nombor Kad Pengenalan/Pasport:

Alamat:

Poskod:

Nombor telefon yang boleh dihubungi:

Pekerjaan:

B. Butir-butir pihak penentang:

Nama:

Nombor Kad Pengenalan/Pasport:

Alamat:

Poskod:

Kewarganegaraan:

Nombor telefon yang boleh dihubungi:

Pekerjaan:

Saya/Kami, ..... dengan ini menarik diri daripada pengantaraan.

C. Alasan-alasan penarikan diri daripada pengantaraan:

Tandatangan orang yang dibantu: Tandatangan pihak penentang:

Nama: Nama:

Nombor Kad Pengenalan/Pasport: Nombor Kad Pengenalan/Pasport:

Tarikh: Tarikh:

Disahkan oleh:

Tandatangan pengantara:

Nama:

Nombor Kad Pengenalan/Pasport:

Tarikh:

**JADUAL KEEMPAT**

[Perenggan 7 (a)]

**KOD ETIKA PENGANTARA**

**Nama dan pemakaian**

1. (1) Kod etika ini bolehlah dinamakan **Kod Etika Pengantara** .

(2) Kod Etika ini hendaklah terpakai bagi semua orang yang dilantik sebagai pengantara dalam sesuatu sidang pengantaraan.

**Penerimaan tugas**

2. Pengantara hendaklah, sebelum menerima sesuatu tugas, berpuas hati bahawa dia boleh menjalankan pengantaraan dengan cekap dan saksama.

**Kod Etika**

3. (1) Pengantara hendaklah saksama dan adil kepada Pihak-Pihak dan hendaklah dilihat sedemikian.

(2) Pengantara tidak boleh—

(a) bertindak dalam apa-apa kapasiti untuk mana-mana Pihak;

(b) mempunyai apa-apa kepentingan sama ada secara langsung atau tidak langsung dengan mana-mana Pihak atau hasil pengantaraan itu;

- (c) berkelakuan dengan sedemikian cara yang mungkin menyebabkan kepentingan persendiriannya bercanggah dengan tugas-tugas pengantaraannya;
- (d) kurang cekap atau kurang berusaha dalam membantu Pihak-Pihak mencapai penyelesaian yang boleh disetujui terima bersama;
- (e) mendapatkan apa-apa maklumat sulit mengenai Pihak-Pihak atau pertikaian yang sedang dalam pengantaraan daripada sumber di luar pengantaraan;
- (f) bertindak bagi mana-mana Pihak kemudiannya dalam apa-apa perkara yang berhubungan dengan atau yang berbangkit daripada hal perkara pengantaraan itu;
- (g) mendedahkan apa-apa dokumen atau maklumat yang dibekalkan atau didedahkan semasa sidang pengantaraan kepada mana-mana orang;

(3) Apabila terdapat apa-apa keraguan, pengantara bolehlah merujuk perkara itu kepada Pengarah atau Penolong Pengarah, mengikut mana-mana yang berkenaan.

#### **Penarikan diri**

4. (1) Pengantara hendaklah menarik diri daripada pengantaraan—

- (a) apabila dia menyedari bahawa dia telah melanggar mana-mana peruntukan Kod Etika ini;
- (b) jika ada permintaan bertulis untuk dia berbuat demikian daripada mana-mana Pihak; atau
- (c) jika dia diarahkan oleh Ketua Pengarah Bantuan Guaman untuk berbuat demikian.

(2) Pengantara hendaklah, apabila berlaku hal keadaan yang disebut dalam perenggan 4(1) atau (b) dengan serta-merta memberitahu Pengarah atau Penolong Pengarah, mengikut mana-mana yang berkenaan, mengenai penarikan dirinya. (a)

Dibuat 15 Mac 2006

[BBG. 85(F)/002(49)6; PN(PU 2)77/V]

D<sub>ATO</sub> ' S<sub>ERI</sub> M<sub>OHAMED</sub> N<sub>AZRI</sub> BIN A<sub>BDUL</sub> A<sub>ZIZ</sub>  
Menteri di Jabatan Perdana Menteri